Mohamad Shakib bin Abdul Wahid lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO J-05–257–10 TAHUN 2012
BALIA YUSOF, MOHTARUDIN BAKI DAN TENGKU MAIMUN HHMR
28 JANUARI 2014

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Pertuduhan mengedar dadah berbahaya — Tertuduh disabitkan atas kesalahan dan dijatuhkan hukuman mati — Polis merampas kotak-kotak mengandungi dadah dan ketulan mampat ganja mengandungi kesan DNA tertuduh — Sama ada tertuduh mempunyai pengetahuan mengenai dadah — Sama ada pembelaan membangkitkan keraguan munasabah — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya 1952 — s 39B(1) — Pertuduhan mengedar dadah berbahaya — Tertuduh disabitkan atas kesalahan dan dijatuhkan hukuman mati — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)

Perayu telah dituduh mengedar dadah berbahaya, suatu kesalahan di bawah s 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Kes pendakwaan adalah bahawa SP5 bersama-sama dengan beberapa orang anggota polis telah membuat serbuan di sebuah rumah. Selepas membacakan kata-kata amaran di bawah s 37A(1) ADB, SP5 dan pasukannya telah membawa perayu masuk ke dalam rumah dan menghala ke sebuah bilik yang terletak di bahagian belakang rumah. Menurut SP5, pintu bilik tersebut berselak dan mempunyai mangga tetapi perayu dikatakan telah mengambil anak kunci dan menyerahkannya kepada SP5. SP5 membuka pintu bilik dan memasuki bilik tersebut serta kemudiannya merampas, antara lain, kotak-kotak yang mengandungi dadah dan satu ketulan mampat daun ganja yang mengandungi kesan DNA perayu. Dalam pembelaannya, perayu menafikan pengetahuan mengenai kotak-kotak berisi dadah tersebut. Perayu memberi keterangan bahawa bilik tersebut disewakan kepada SP8 dan kotak tersebut adalah milik SP8. Menurut perayu lagi, sejak bilik tersebut disewakan kepada SP8, perayu dan ahli keluarganya tidak memasuki bilik tersebut lagi. Di akhir kes pembelaan, perayu didapati bersalah, disabitkan atas pertuduhan dan dijatuhkan hukuman mati mandatori. Oleh itu, rayuan ini. Dalam rayuan ini, isu-isu yang dibangkitkan adalah milikan eksklusif dadah; DNA perayu pada ketulan mampat; dan SP8.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Isu-isu yang ditimbulkan adalah tidak bermerit. Tidak dinafikan bahawa

SP8 telah disebut oleh perayu kepada pihak polis sejerus perayu ditangkap dan bahawa SP8 juga turut ditangkap oleh polis dan kemudiannya dibebaskan. Namun pembelaan perayu berkenaan SP8 ini telah diberi pertimbangan sewajarnya oleh hakim bicara dan mahkamah bersetuju dengan hakim bicara (lihat perenggan 14–15).

(2) Bukti forensik berupa DNA perayu pada barangan seperti pisau cukur, sikat, berus gigi dan puntung rokok yang didapati di dalam bilik tersebut menyokong dapatan hakim bicara bahawa perayu mempunyai kawalan dan jagaan terhadap bilik tersebut dan bahawa perayu mempunyai pengetahuan tentang dadah-dadah di dalam bilik tersebut (lihat perenggan 16).

(3) Memandangkan berat dadah adalah melebihi jumlah statutori yang dibenarkan, hakim bicara tidak khilaf dalam mensabitkan perayu dengan kesalahan mengedar seperti pertuduhan. Hakim bicara telah membuat penilaian kes pembelaan dengan betul apabila berpegang kepada keputusan *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169 bahawa mahkamah tidak perlu mempercayai pembelaan perayu. Yang penting adalah sama ada perayu telah menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Hakim bicara juga tepat dalam memutuskan bahawa perayu gagal mematahkan anggapan atas imbangan kebarangkalian dan juga gagal menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan (lihat perenggan 17).

[English summary

The appellant was charged for trafficking dangerous drugs, an offence under s 39B(1) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). It was the prosecution case that SP5 together with a few police officers had raided a house. After reading the cautioned statement under s 37A(1) of the DDA, SP5 and his team brought the appellant into the house and led him to a room situated at the back of the house. According to SP5, the door to the room was latched and had a lock but the appellant was said to have taken the key and handed it to SP5. SP5 opened the room and entered it thereafter seizing, inter alia, boxes which contained drugs and a condensed slab of heroin leaves which had the appellant's DNA. In his defence, the appellant denied having knowledge of the boxes which contained the said drugs. The appellant testified that the room was rented to SP8 and that the boxes belonged to SP8. Further, according to the appellant, since the room was rented to SP8, the appellant and his family members had not entered the room. At the end of the defence's case, the appellant was found guilty, convicted of the charge and sentenced to the mandatory death penalty. Hence, the appeal. In this appeal, the issues raised was on the exclusive possession of the drugs; the appellant's DNA on the condensed slab; and SP8.

Held, dismissing the appeal:

(1) The issues raised were without merits. It was undeniable that SP8 had

been mentioned by the appellant to the police upon the appellant's arrest and that SP8 was also arrested by the police and later acquitted. Nevertheless the appellant's defence on SP8 had been considered accordingly by the trail judge and the court concurred with the trial judge (see paras 14–15).

(2) The forensic evidence of the appellant's DNA on the articles such as the shaver, comb, toothbrush and cigarette butts found in the room supported the findings of the trial judge that the appellant had control and care of the room and that the appellant had knowledge of the drugs in the said room (see para 16).

(3) In considering the weight of the drugs was excessive than the statutory amount allowed, the trial judge had not erred in convicting the appellant for trafficking as charged. The trial judge had properly scrutinised the defence case by following the decision of *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169 where the court was not required to believe the appellant's defence. Most importantly was whether the appellant had raised a reasonable doubt on the prosecution. The trail judge also was right in finding that the appellant had failed to rebut the presumption on the balance of probability and had also failed to raise a reasonable doubt on the prosecution case (see para 17).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 216–222.

Untuk kes-kes mengenai s 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 467–480.

Kes-kes yang dirujuk

Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ 311, MA (dirujuk)

PP v Ling Tee Huah [1982] 2 MLJ 324 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37A(1), 39B(1)(a)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah MTJ (1) 45A-43 Tahun 2010 (Mahakamah Tinggi, Johor Bahru)

Bernard George (Tay Bernard & Cheong) bagi pihak perayu.
Azlina bt Rasdi (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Tengku Maimun HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

LATAR BELAKANG

[1] Perayu telah dihadapkan dengan pertuduhan mengedar dadah berbahaya seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 9 Mei 2009, jam lebih kurang 2.30 petang, di alamat No 18, Jalan Mustika, Kampong Melayu Majidee, dalam daerah Johor Bahru, dalam Negeri Johor Darul Ta'zim telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu 17,725 gram Cannabis dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

[2] Kes pendakwaan ialah pada tarikh dan masa yang dinyatakan di dalam pertuduhan, C/Insp Sivakumar a/l Supramaniam (SP5) bersama beberapa orang anggota polis telah membuat serbuan di sebuah rumah di alamat No 18, Jalan Mustika, Kampong Melayu Majidee, Johor Bahru. Polis telah membuat pemeriksaan ke atas badan perayu yang pada masa material sedang berada di tepi sebuah kereta di hadapan rumah tersebut tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah. Selepas membacakan kata-kata amaran di bawah s 37A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952, SP5 dan pasukannya telah membawa perayu masuk ke dalam rumah dan menghala ke sebuah bilik yang terletak di bahagian belakang rumah.

[3] Menurut keterangan SP5, pintu bilik tersebut berkunci dengan selak dan mangga. Perayu dikatakan telah mengambil anak kunci yang tersangkut pada palang pintu di bahagian atas di sebalik langsir dan menyerahkannya kepada SP5. SP5 telah membuka pintu bilik dan memasuki bilik tersebut bersama beberapa orang anggota serbuan. Bilik itu didapati dalam keadaan kemas dengan katil bujang dan baju serta seluar lelaki tersusun kemas di atas rak.

[4] Di dalam bilik tersebut, SP5 telah menjumpai dan merampas barang-barang berikut:

(a) satu ketulan mampat daun kering disyaki ganja (P28) di atas kabinet;

(b) satu pisau lipat (P39);

(c) satu kad K-force atas nama perayu (P33);

(d) satu buku lesen senjatapi atas nama perayu (P34);

(e) satu helai T-shirt lengan panjang (P35); dan

(f) satu helai T-shirt lengan pendek (P38).

[5] SP5 juga menjumpai dan merampas dua buah kotak. Kotak pertama yang dibuka (P29) mengandungi lima ketulan daun-daun kering (P30A-P30E). Kotak kedua (P31) mengandungi 15 ketulan mampat daun-daun kering (P32A – P320). Setelah dianalisa oleh ahli kimia (SP7), ketulan mampat daun-daun kering itu disahkan sebagai cannabis seberat 17,725g.

[6] Analisa yang dilakukan oleh pakar sains forensik (SP11) mendapati bahawa salah satu ketulan mampat daun ganja yang dirampas daripada bilik itu mengandungi kesan DNA milik perayu. DNA perayu juga didapati pada pisau cukur, berus gigi, puntung rokok dan t-shirt yang ditemui di dalam bilik tersebut.

[7] Perayu pada mulanya dilepaskan dan dibebaskan di akhir kes pendakwaan. Bagaimanapun, atas rayuan pendakwa raya, Mahkamah Rayuan telah memerintahkan perayu membela diri.

[8] Kes pembelaan adalah seperti berikut. Perayu menafikan mempunyai pengetahuan tentang kotak-kotak yang berisi dadah. Keterangan perayu adalah bahawa bilik tersebut telah disewakan kepada Rahim bin Tahir (SP8) dan kotak itu adalah kepunyaan SP8. Sejak bilik itu disewakan kepada SP8, perayu dan ahli keluarga tidak memasuki bilik tersebut. Pada suatu malam, perayu telah menolong SP8 membawa barang daripada boot kereta untuk dibawa ke bilik tersebut. Dua minggu sebelum ditangkap, perayu ada terjumpa SP8 dekat reban ayam di mana SP8 ada menghulurkan suatu barang kepada perayu dan mengajak perayu berniaga barang tersebut. Perayu menolak sebab tidak mengetahui barang tersebut. Hanya beberapa hari kemudian perayu mengetahui bahawa barang itu adalah ganja.

[9] Hakim bicara mendapati bahawa pembelaan perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan yang menunjukkan bahawa perayu mempunyai kawalan dan jagaan ke atas bilik itu dan juga dadah yang didapati di dalamnya. Perayu di dapati bersalah, disabitkan dan dijatuhi hukuman mati mandatori. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu merayu ke Mahkamah Rayuan.

ALASAN RAYUAN

[10] Di hadapan kami, peguambela perayu menimbulkan tiga isu yang berkaitan dengan:

(a) milikan eksklusif dadah;

(b) DNA perayu pada ketulan mampat; dan

(c) Rahim bin Tahir.

[11] Isu pertama dan ketiga adalah berkaitan. Berhubung isu ini, melalui keterangan anak-anak perayu (SD2 dan SD3), dikatakan bahawa sejak Februari 2009, perayu tidur di ruang tamu dan menggunakan sebuah bilik lain untuk tempat persalinan. Melalui keterangan saksi-saksi juga dikatakan bahawa kunci bilik tersebut yang berada di sebalik langsir boleh diakses oleh sesiapa jua. Keterangan-keterangan ini, hujah peguambela bijaksana, menunjukkan bahawa perayu tidak mempunyai milikan eksklusif ke atas bilik dan dadah tersebut.

[12] Dihujahkan oleh peguambela bijaksana seterusnya bahawa keterangan Rahim Tahir yang mengakui beliau berkawan dengan perayu dan ada berjumpa perayu dekat reban ayam serta soalan-soalan cadangan penglibatan Rahim Tahir semasa pemeriksaan balas yang gagal disoal semula oleh pihak pendakwa raya, menunjukkan wujud kemungkinan dadah itu kepunyaan Rahim Tahir.

[13] Berkaitan DNA perayu pula, dihujahkan oleh peguambela bijaksana bahawa kemunculan DNA perayu pada hanya satu ketulan mampat adalah kerana tindakan perayu yang menolak barang yang dihulurkan oleh Rahim Tahir dan ini menimbulkan keraguan yang memihak kepada perayu.

[14] Kami dapati isu-isu yang ditimbulkan di atas adalah tidak bermerit. Tidak dinafikan bahawa nama Rahim Tahir telah disebut oleh perayu kepada pihak polis sebaik perayu ditangkap dan bahawa Rahim Tahir juga turut ditangkap oleh polis dan kemudiannya dibebaskan. Namun pembelaan perayu berkenaan Rahim Tahir ini telah diberi pertimbangan sewajarnya oleh YA hakim bicara dan kami bersetuju dengan YA hakim bicara yang telah membuat dapatan berikut:

> 27 Pembelaan Tertuduh bahawa dadah tersebut milik Rahim Tahir dan menafikan pengetahuan barang dalam kotak sebagai dadah ganja tidak munasabah dan tidak boleh dipercayai. Keterangan saksi SP11 jelas menunjukkan bahawa contoh DNA Tertuduh terdapat pada swab yang diambil pada salah satu balutan ketulan ganja tersebut. Balutan itu menggunakan kertas lutsinar di mana daun-daun kering disyaki ganja mudah dilihat.
>
> 28 Begitu juga dengan pembelaan Tertuduh bahawa bilik di mana ganja ditemui telah disewakan kepada Rahim Tahir tidak boleh dipercayai oleh kerana ianya hanya rekaan terbaru dan satu pemikiran terkemudian. Fakta bilik tersebut telah disewakan kepada Rahim Tahir tidak pernah timbul semasa kes pendakwaan. Fakta bilik disewa kepada Rahim Tahir hanya timbul semasa Tertuduh memberi keterangan. Fakta bilik itu disewa kepada Rahim Tahir tidak pernah disyorkan atau di 'put' kepada saksi-saksi pihak pendakwaan terutama kepada saksi SP9, isteri

Tertuduh sendiri. Fakta yang sama tidak pernah ditanyakan kepada Rahim Tahir (SP8) sendiri walaupun saksi tersebut telah disoal-balas oleh peguambela Tertuduh dengan panjang lebar…

29 … Keterangan oleh saksi-saksi pihak pendakwaan terutamanya keterangan oleh SP11 dengan jelas menunjukkan beberapa barang yang berada di dalam bilik itu mempunyai DNA Tertuduh. Begitu juga barangan pribadi Tertuduh turut ditemui dan dirampas dari dalam bilik itu. Gambar-gambar P4 jelas menunjukkan vest milik Tertuduh tersangkut dalam bilik itu. Beberapa helai pakaian yang diambil dari dalam bilik tersebut adalah bersesuaian apabila diacupakai kepada Tertuduh. Selain itu tidak ada sebarang bukti samada secara fizikal mahu pun bukti forensik yang dapat mengaitkan Rahim Tahir dengan bilik itu. Oleh itu saya boleh membuat inferen yang munasabah bahawa bilik kecil itu adalah bilik Tertuduh sendiri.

[15] Di dalam hujahannya peguambela bijaksana juga menimbulkan isu kegagalan pihak pendakwaan membuat acupakai pakaian-pakaian yang didapati di dalam bilik tersebut, ke atas Rahim Tahir. Adalah pendapat kami bahawa isu acupakai kepada Rahim Tahir tidak timbul dalam keadaan di mana YA hakim bicara telah membuat dapatan bahawa pembelaan perayu mengenai penyewaan bilik kepada Rahim Tahir adalah suatu pemikiran terkemudian.

[16] Kami seterusnya bersetuju bahawa bukti forensik berupa DNA perayu pada barangan seperti pisau cukur, sikat, berus gigi dan puntung rokok yang didapati di dalam bilik tersebut menyokong dapatan YA hakim bicara bahawa perayu mempunyai kawalan dan jagaan bilik tersebut dan bahawa perayu mempunyai pengetahuan tentang dadah-dadah di dalam bilik tersebut. YA hakim bicara adalah tepat di dalam merujuk kes *Public Prosecutor v Ling Tee Huah* [1982] 2 MLJ 324 yang menyatakan 'A mere denial without other proof to reasonably dislodge the prosecution's evidence is not sufficient'. Perlu diberi penekanan bahawa DNA Rahim Tahir tidak dikesan pada mana-mana barang yang dijumpai di dalam bilik tersebut.

[17] Memandangkan berat dadah adalah melebihi jumlah statutori yang dibenarkan, YA hakim bicara tidak khilaf dalam mensabitkan perayu dengan kesalahan mengedar seperti pertuduhan. YA hakim bicara telah membuat penilaian kes pembelaan dengan betul apabila berpegang kepada keputusan *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ 311 bahawa mahkamah tidak perlu mempercayai pembelaan perayu. Yang penting ialah sama ada perayu telah menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. YA hakim bicara juga tepat di dalam memutuskan bahawa perayu gagal mematahkan anggapan di atas imbangan kebarangkalian dan juga gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

[18] Berdasarkan perkara-perkara yang dinyatakan di atas, kami

berpendapat sabitan terhadap perayu adalah selamat. Dengan itu keputusan kami sebulat suara adalah bahawa rayuan perayu ditolak. Sabitan dan hukuman yang dikenakan ke atas perayu oleh Mahkamah Tinggi adalah disahkan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor